

[UTAMA \(/\)](#)
[MENGENAI KAMI \(/MENGENAI_KAMI-1\)](#)
[BAKAL PELAJAR \(/UPM/BAKAL_PELAJAR-10\)](#)
[PELAJAR SEMASA \(/UPM/PELAJAR_SEMASA-11\)](#)
[STAF \(/UPM/STAF-13\)](#)
[ALUMNI \(/UPM/ALUMNI-14\)](#)
[PETA LAMAN \(/SITEMAP\)](#)
[MAKLUMBALAS \(/MAKLUMBALAS\)](#)

 Cari

BM ▾


<https://www.upm.edu.my>

Selamat Datang Ke Laman Portal

Universiti Putra Malaysia

<https://www.malaysia.gov.my/portal/index>

[AKADEMIK \(/akademik-15\)](#)
[PENYELIDIKAN \(/penyelidikan-3\)](#)
[JARINGAN \(/jaringan-16\)](#)
[ANTARABANGSA \(/antarabangsa-2\)](#)
[PERKHIDMATAN \(/perkhidmatan-19\)](#)
[KEHIDUPAN KAMPUS \(/kehidupan_kampus-18\)](#)

Entiti Kami

Dokumen

Senarai Berita (/berita)

Newsletter



Tetapan

[\(/ \)](#) » [BERITA \(/BERITA\)](#) » "Saya berbelah bahagi untuk pulang..."

"Saya berbelah bahagi untuk pulang..."

Oleh: Noor Eszereen Juferi



SERDANG, 2 Mei – Pelajar Bachelor Sains Hortikultur, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Murshid Mohamad Shukri berasa berbelah bahagi untuk pulang ke kampung kerana kuarir tidak dapat mengikut kelas secara online atas faktor talian internet yang agak perlahan di kampung halamannya.

Beliau yang berasal dari Manjung, Perak berkata walaupun begitu, beliau gembira untuk pulang ke kampung halaman kerana sepatutnya beliau pulang sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu.

"Pada awal Mac lalu saya ada tugas projek dan kerana itu saya mengambil keputusan untuk balik lewat sedikit walaupun pada masa itu sedang berlangsungnya cuti semester," katanya.

BM ▾

Sepanjang PKP di UPM, beliau menggunakan masa untuk mengulangkaji pelajaran bagi menghadapi ujian yang ditetapkan oleh pensyarah serta mengenali rakan-rakan baharu di sekitar blok kolej kediaman Kolej Tun Perak (Kor SUKISIS), UPM.

"Kebanyakan pensyarah masih menjalankan on going test secara maya dan pada minggu depan saya ada ujian jadi saya perlu menyiapkan tugas serta mengambil peluang ini untuk ulangkaji dan juga menyertai aktiviti yang disediakan oleh pihak UPM saya," katanya.

Tambah beliau, PKP di kampus UPM secara langsung memberi manfaat kepada beliau untuk memperkukuhkan persahabatan dengan senior kolej kediaman dengan lebih erat dan beliau turut gembira pihak universiti mengambil berat terhadap kebajikan pelajar serta membekalkan makanan yang tidak berkurangan.

Muhammad Murshid berkata beliau akan jalankan kuarantin dengan keluarga sebagai langkah berjaga-jaga.

Tambah beliau, bagi pelajar UPM yang tidak dapat pulang kerana kediaman keluarga berada di zon merah, beliau berharap pelajar jangan berasa stress kerana ini demi kebaikan mereka.

"Jika rindu dengan keluarga boleh telefon atau video call keluarga serta elakkan mengurungkan diri terlalu lama dalam bilik, sekali-sekala perlu keluar mengambil angin di sekitar kolej kediaman dan jika perlu bantuan maklumkan kepada felo mereka akan cuba usahakan yang terbaik," katanya.

Bapanya, Mohamad Shukri Ismail berkata beliau berterima kasih dengan pihak UPM dan KPT berusaha untuk bawa pulang anaknya dengan selamat kembali ke kampung halaman.

"Saya akui berasa risau dengan keadaan keselamatan anak saya di kampus semasa pengumuman PKP pada 18 Mac lalu kini berasa lega anak saya dibenarkan pulang serta berterima kasih kepada pihak universiti dalam memastikan kebajikan pelajar di jaga," katanya. – UPM

Tarikh Input: 09/05/2020 | Kemaskini: 09/05/2020 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fsaya_berbelah_bahagi_untuk_pulang-56756&title=%E2%80%9CSaya%20Berbelah%20Bahagi%20Untuk%20Pulang...%E2%80%9D%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
 (/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra
Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

TALIAN
KECEMASAN
BAHAGIAN
KESELAMATAN
UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-
9769 7470 |
03-9769 1999

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara
(<http://bursar1.upm.edu.my/spln/>)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)
(<http://www.sisman.upm.edu.my/>)
KM Portal
(<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)
Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)
Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)
Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)
Sistem Pengurusan Perubatan
(<http://regmedic.upm.edu.my/>)
Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)
i-GIMS (staf)
(<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah)
(<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah)
(<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia
(<http://www.moe.gov.my/>)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi
Nasional (PTPTN)
(<http://www.ptptn.gov.my>)
Multimedia Super Corridor
(<https://mdec.my/msc-malaysia/>)
Portal myGovernment
(<https://www.malaysia.gov.my/en/home>)
Agensi Kelayakan Malaysia
(<http://www.mqa.gov.my/>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.tender.kontrak.upm.edu>)
Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu>)
Laporan Piagam Pelanggan
(http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/8202)
Dasar UPM (<http://www.pnc.upm.edu.my/>)
Sistem Pengurusan ISO (<http://reg.upm.edu>)
Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm>)
Penerbitan UPM (<http://www.upm.edu.my>)
Takwim UPM 2020
(<https://www.upm.edu.my/upload/dokum2.pdf>)

Dasar Privasi (footnote/dasar_privasi-29949)
Hakcipta (footnote/hakcipta-29950) RSS (footnote/rss)
Penafian (footnote/penafian-29938)
Bantuan (footnote/bantuan-29937)
UPM online (footnote/upm_online-38695)
Dasar Keselamatan (footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2020 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL

HANTAR

